

27 FEB 1998

ANWAR: MESYUARAT JAKARTA LANGKAH PENTING KE DEPAN UNTUK TANGANI KRISIS EKONOMI

KUALA LUMPUR, 27 Feb (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata Mesyuarat Menteri-menteri Kewangan Asean (AFMM) yang bermula di Jakarta hari ini akan merupakan langkah ke depan yang penting bagi negara-negara anggota untuk menangani krisis ekonomi rantau ini secara kolektif.

"Kami akan membincangkan secara khusus perakuan-perakuan bank-bank pusat Asean mengenai perdagangan di kalangan Asean dan mekanismenya," katanya ketika merujuk kepada usaha-usaha Asean untuk menggunakan matawang-matawang mereka sendiri bagi tujuan perdagangan.

Para menteri kewangan rantau ini kali terakhir bermesyuarat pada Disember lalu.

Bercakap kepada pemberita di Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah di Subang sebelum berlepas ke Jakarta, Anwar berkata mesyuarat itu akan berkesan daripada segi kerja sama oleh anggota-anggota Asean untuk memerangi krisis ekonomi.

Ekonomi negara-negara Asean dan ekonomi Hong Kong dan Korea Selatan menjunam ke dalam krisis berikutan serangan spekulatif terhadap matawang-matawang mereka bermula dengan baht Thai pada Julai tahun lalu.

Yang paling teruk ialah Indonesia, Thailand dan Korea Selatan, yang telah menerima bantuan kewangan daripada Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) tetapi terdapat kritikan bahawa walaupun pembaharuan yang sukar dilaksanakan, keyakinan pelabur belum lagi dikembalikan dalam ekonomi-ekonomi yang bermasalah itu.

AFMM, yang berakhir esok, dimulai semalam dengan mesyuarat pegawai-pegawai kanan yang termasuk pegawai-pegawai Perbendaharaan Malaysia yang menyediakan agenda bagi menteri-menteri kewangan untuk dibincangkan.

Langkah untuk menggunakan matawang-matawang serantau, yang telah memperolehi sambutan, telah diilhamkan agar dapat mengurangkan pergantungan rantau ini kepada dolar Amerika dan kesan kejatuhan tinggi dalam matawang-matawangnya berbanding dolar.

Sebagai kemajuan lanjut kepada penggunaan matawang-matawang serantau, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah berkata awal bulan ini bahawa Malaysia, Indonesia dan Thailand telah bersetuju menubuhkan sebuah rumah penjelasan pusat bagi perdagangan kalangan Asean.

Ditanya mengenai isu-isu lain yang akan dibincangkan, Anwar berkata: "Kami juga akan membincangkan kertas mengenai inisiatif Hong Kong bagi Tabung Khas Asia untuk membantu ekonomi-ekonomi Asia yang bermasalah."

Beliau juga berkata semasa mesyuarat itu Malaysia akan terus mempertahankan pendiriannya untuk kawalan ke atas penyangak spekulator matawang dalam usaha menanamkan sedikit disiplin di kalangan mereka.

Mengenai sumbangan Jepun dan Taiwan kepada mesyuarat itu, Anwar berkata sungguhpun mereka bukan anggota mereka terbabit dalam berbincangan pada peringkat jawatan kuasa di mana mereka telah menyuarakan kesungguhan mereka untuk bekerja sama dengan Asean bagi mengatasi masalah sekarang.

"Pendapat mereka akan dikemukakan kepada laporan jawatankuasa, yang akan dibincangkan oleh menteri-menteri," tambahnya.

Di samping itu, katanya, akan terdapat perbincangan lanjut mengenai cadangan instrumen hutang swasta yang diluluskan pada mesyuarat terakhir di sini Disember lalu.

Di bawah rancangan itu, sumber-sumber sektor swasta akan digembleng daripada pasaran bon untuk membantu negara-negara mengelakkan diri daripada

serangan ke atas matawang-matawang dengan bantuan institusi-institusi
keuangan antarabangsa.

-- BERNAMA

MR OS